



**SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK  
(WABAK RABIES)**

---

**KENYATAAN MEDIA  
WABAK RABIES DI NEGERI SARAWAK 2017  
06 OGOS 2017**

Adalah dimaklumkan bahawa pada 07 Ogos 2017, JPVS akan mengadakan Program Pemvaksinan Anjing secara besar-besaran di Bahagian Serian seperti berikut:

- Kampung Terbat Leban
- Kampung Terbat Mawang
- Kampung Mayang Kawan
- Kampung Sebintin
- Kampung Engkeroh

Pada hari ini, sejumlah **183 ekor anjing telah divaksin setakat jam 3.00 petang** dalam Program Pemvaksinan Anjing bagi mengawal penularan wabak Rabies secara besar-besaran yang telah diadakan di Bahagian Serian iaitu Kg. Bunga dan Kg. Baru. Manakala di Daerah Bau, telah diadakan di Kg. Pedau Bawah dan Kg. Bijuray Mongag.

Jumlah haiwan kesayangan yang telah divaksin sehingga hari ini adalah sebanyak **27,687 ekor** yang terdiri daripada **20,045 ekor anjing, 7,597 ekor kucing** dan **45 ekor haiwan** lain.

Manakala jumlah kempen kesedaran mengenai wabak penyakit Rabies yang telah diadakan di kawasan kampung-kampung dan sekolah yang terlibat adalah sebanyak 160 kali dan telah dihadiri oleh 31,615 orang peserta.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memaklumkan bahawa sebanyak **41 kes gigitan baru dilaporkan pada hari ini**. Kes tersebut dilaporkan daripada **Bahagian Serian 21 kes gigitan, Bahagian Sri Aman 6 kes gigitan, Bahagian Kuching 12 kes gigitan, dan Bahagian Samarahan 2 kes gigitan**. Ini menjadikan bilangan kes kumulatif gigitan anjing yang berlaku mulai 01 April 2017 hingga ke hari ini, adalah berjumlah 1,540 kes. Secara kumulatifnya, seramai 820 orang telah menerima suntikan vaksin anti-Rabies.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memohon orang ramai yang mempunyai sejarah gigitan anjing dalam tempoh 01 April 2017 hingga kini, untuk segera membuat pemeriksaan di mana-mana fasiliti kesihatan yang terdekat. Dalam masa yang sama, orang ramai turut diingatkan untuk sentiasa menghindari diri dari gigitan haiwan terutamanya anjing, dan sekiranya digigit, perlulah mengambil langkah pencegahan segera dengan mencuci luka bahagian terkena gigitan menggunakan sabun dan air bersih yang mengalir selama 15 minit dan segera mendapatkan rawatan lanjut di klinik atau hospital berdekatan.

Untuk makluman semua, maklumat dan aktiviti operasi pemvaksinan wabak Rabies juga boleh didapati di dalam portal Jawatankuasa pengurusan Bencana Negeri Sarawak seperti berikuit:

[www.infodisaster.sarawak.gov.my](http://www.infodisaster.sarawak.gov.my)

Disediakan oleh:

**Sekretariat**

**Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak**

**06 Ogos 2017**